

24/10/2003

Warga tua kagumi kepemimpinan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Seramai 32 warga emas dari Rumah Orang Tua Seri Kenangan, Cheras, dekat sini, mengadakan lawatan ke Pameran Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara, di sini, semalam.

Rombongan berkenaan yang dibawa Biro Kebajikan, Puteri Umno, meluangkan masa kira-kira dua jam untuk melihat pelbagai gambar Perdana Menteri, yang dipamerkan di situ.

Warga tua, Aishah Arshad, 75, berkata beliau gembira bercampur sedih melihat gambar yang dipamerkan kerana banyak memberi kenangan kepada beliau, yang hanya dapat melihat Dr Mahathir menerusi kaca televisyen.

"Saya gembira melihat banyak gambar yang menunjukkan pelbagai peristiwa membabitkan Dr Mahathir seperti beliau sedang berucap, merasmikan sesuatu acara dan bersama anak cucunya.

"Bagaimanapun, saya sedih bila beliau hendak meletak jawatan. Beliau banyak berjasa kepada negara," katanya ketika ditemui di pameran itu, semalam.

Rakannya, Che Embun Hashim, 76, berkata walaupun tidak mengenali Perdana Menteri secara dekat, beliau gembira kerana berpeluang melawat pameran berkenaan.

Beliau berkata, pameran itu sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit pendedahan kepadanya untuk mengenali Dr Mahathir dengan lebih dekat.

Che Embun yang berasal dari Chiang Mai, Thailand dan sudah empat tahun menetap di rumah kebajikan itu, menyifatkan Perdana Menteri sebagai seorang yang baik dan banyak berjasa kepada negara.

Sementara itu, Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said, berkata menerusi Biro Kebajikan pergerakan itu, pihaknya membawa kanak-kanak yatim dan warga tua daripada beberapa rumah kebajikan untuk mendapat pendedahan di pameran itu.

"Ada antara warga tua yang datang ini mempunyai pengalaman bersama Perdana Menteri. Kami mahu aktiviti yang dijalankan ini memberi faedah kepada mereka," katanya.

Azalina turut meminta mana-mana badan kebajikan yang ingin melawat ke pameran itu supaya menghubungi pihaknya supaya boleh diaturnya satu lawatan secara terancang.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Puteri Umno di talian 03-40413900.